


Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. "_____ perlu mengurangkan aktiviti sampingan memandangkan Pentaksiran Tingkatan 3 akan menjelang tidak lama lagi," pesan Cikgu Halisah kepada kami.
 A Kita C Kalian
 B Anda D Mereka

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Keadaan angin kencang menyebabkan api _____ dengan pantas di rumah yang sedang terbakar itu.

- A menular
 B merebak
 C bertambah
 D berkembang

3. Novel "Salina" karya _____ A.
 Samad Said telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa asing.
 A seniman
 B karyawan
 C sasterawan
 D cendekiawan

4. Hasil _____ mengejut yang dilakukan oleh pihak lembaga disiplin sekolah, terdapat beberapa orang murid yang menyimpan telefon bimbit di dalam beg masing-masing.
 A penilaian
 B pemilihan
 C pengamatan
 D pemeriksaan

5. Demi kejayaan anak-anaknya dalam pelajaran, Pak Salam bukan sahaja sanggup berkorban tenaga, _____ lebih daripada itu.
 A padahal
 B bahkan
 C mahupun
 D sekalipun

Soalan 6 – 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Lawatan ke Sekolah Kluster Convent itu

disertai oleh para pengetua-pengetua dari
 A B C

seluruh sekolah di negeri Pulau Pinang.

Tiada kesalahan.

D

7. Sebagai peraih, Tauke Lim membeli ikan-

A

ikan dari nelayan Kuala Sungai Pinang dan
 B

menjual ikan itu semula di Pekan Balik Pulau.

C

Tiada kesalahan.

D

8. Menantu Pak Cik Rahman yang berkumis

A

tebal, kakak, dan bertubuh sasa itu

B

C

berketurunan Arab. Tiada kesalahan.

D

9. Antara perkara yang dibincangkan dalam

A

B

buku ini adalah perubahan sikap untuk

C

menjadi pemimpin. Tiada kesalahan.

D

Soalan 10 – 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Adik tidak terminum ubat itu kerana rasanya *tajam*.
II Pemimpin pada zaman globalisasi perlu mempunyai pemikiran yang *tajam*.
III Penduduk orang asli di kampung itu menggunakan buluh yang *tajam* untuk menangkap ikan.
IV Pendengaran dan penglihatan yang *tajam* membantu haiwan nokturnal mencari makanan pada malam hari.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
11. I Ayah menghadihkan satu set barang *kemas* kepada ibu.
II Sebagai peragawan, abang sentiasa berpakaian *kemas* dan bergaya.
III "Bilik ini sudah saya *kemas* semalam," kata Zairi kepada kakaknya.
IV Penyanyi itu menyanyi dengan *kemas* sekali sehingga memukau penonton.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 – 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat ini mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Pengetua akan berbincang tentang lain-lain perkara yang berkaitan dengan disiplin murid dalam mesyuarat guru.
- A berbincang tentang lain perkara
B berbincang tentang perkara-perkara lain
C membincangkan tentang perkara-perkara lain
D berbincang tentang lain-lain perkara
13. Perjalanan dari Ipoh ke Pulau Pinang mengambil masa selama dua suku jam.
- A sepanjang dua suku jam
B selama dua jam suku
C selama jam dua suku
D selama dua suku jam

Soalan 14 – 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Datanglah berjumpa dengan saya pada bila masa jika kamu berkesempatan.
II Pegawai atasan itu mempersoalkan tentang kecuaiannya tiga anggotanya ketika menjalankan tugas.
III Datuk Lee Chong Wei adalah antara pemain badminton yang terkenal pada peringkat antarabangsa.
IV Sikap Nora yang suka bermuka-muka itu menyebabkan dia tidak mempunyai banyak kawan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
15. I Antara acara yang menarik pada malam itu ialah persembahan tarian zapin.
II Ayah terpaksa menjalani pembedahan secepat yang mungkin kerana doktor mendapati penyakitnya semakin kritikal.
III Yang di-Pertuan Agong berkenan untuk menyampaikan watah pelantikan pada Perdana Menteri esok.
IV Segelintir ahli-ahli masyarakat tidak prihatin tentang kebersihan alam sekitar.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Tindakan Aiman Fakhrul yang menceritakan keburukan tingkah laku ahli keluarganya samalah seperti
- A tiada beban batu digalas.
B membuka pekung di dada.
C mengangkat bendera putih.
D besar pasak daripada tiang.